

FAKTOR-FAKTOR PEMILIHAN KERJAYA PELAJAR

SYED NASIR BIN SAYED MAHADI

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

1998



109197

109197

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan di antara faktor keluarga, sekolah dan pencapaian akademik dengan pemilihan kerjaya pelajar. Kajian ini telah dijalankan ke atas 227 orang pelajar di dua buah sekolah di bandar Taiping dengan menggunakan borang soal-selidik. Untuk melihat hubungan tersebut ujian χ^2 digunakan. Hasil kajian mendapati bagi faktor keluarga hanya aspek perbincangan bersama abang dan kakak dan sokongan daripada abang dan kakak telah mendorong pelajar memilih kerjaya dalam bidang ikhtisas dan teknikal. Sementara itu faktor taraf pendidikan ibu bapa, nasihat ibu bapa dan anggota keluarga, kerjaya yang disukai ibu bapa dan anggota keluarga, kerjaya yang dicita-citakan oleh ibu bapa, perbincangan dan sokongan daripada ibu bapa, harapan daripada abang dan kakak tidak mempunyai hubungan dengan pemilihan kerjaya pelajar. Bagi faktor sekolah nasihat daripada pengetua, guru, peranan guru kaunseling, pameran dan ceramah kerjaya, rundingan dan perbincangan bersama guru dan guru kaunseling didapati tidak mempunyai hubungan dengan pemilihan kerjaya pelajar. Bagi faktor pencapaian akademik hanya pencapaian mata pelajaran bahasa Inggeris dan Biologi mempunyai hubungan dengan pemilihan kerjaya pelajar berbanding pencapaian bahasa Melayu, Matematik, Sains, Sejarah, Prinsip Akaun, Fizik dan Kimia tidak mempunyai hubungan dengan pemilihan kerjaya pelajar.

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kemajuan sesebuah negara adalah bergantung kepada kemampuan penduduknya dalam memberikan segala jenis dan corak perkhidmatan yang diperlukan oleh negaranya. Setiap rupa perkhidmatan melibatkan kerjaya seseorang individu yang mempunyai matlamat dan objektif masing-masing.

Bagi diri seseorang pelajar, pemilihan kerjaya merupakan satu fenomena yang pasti mereka tempuhi suatu hari nanti. Pemilihan kerjaya ini melibatkan proses dalam satu jangka masa yang panjang. Dalam tempoh masa yang panjang ini, mereka akan membuat banyak pilihan kerja sebelum membuat satu keputusan yang muktamad dan tidak berubah sehingga ke akhir hayat. Menurut Shertzer dan Shelly (1992) walaupun seseorang telah membuat pilihan kerjaya, namun pilihan kerjaya itu sentiasa akan berubah-ubah kerana pekerja akan berusaha menyelaraskan kehendak-kehendak yang sentiasa berubah dengan peluang-peluang yang juga sentiasa berubah untuk mencapai satu keputusan yang baik.

Dalam hal ini, adalah penting bagi pelajar untuk benar-benar memikirkan sesuatu kerjaya, membuat pemilihan yang bijak, merancang serta memajukan diri dalam kerjayanya yang sejajar dengan minat, kebolehan dan kecekapan serta bersesuaian dengan keperluan negara dan alam sekitarnya (Abd.Latif Mohd. Ali, 1995).

Oleh itu amat penting bagi pelajar-pelajar sekolah menengah didedahkan dengan pemilihan kerjaya. Pada masa persekolahan pelajar-pelajar akan melalui peringkat percubaan dan memasuki peringkat awal realistik. Pada akhir peringkat ini, pelajar terpaksa membuat keputusan dan merancang kerjaya, yang besar kemungkinan akan mempengaruhi keputusan pemilihan kerjaya apabila dewasa nanti. Dalam peringkat percubaan ini setiap individu harus menggunakan minat, kebolehan dan nilai dalam proses membuat keputusan kerjaya. Justeru itu, pada peringkat ini juga pelajar-pelajar merencana masa depan mereka dengan realistik.

Pemilihan kerjaya yang sesuai dengan minat dan kebolehan akan memberi kesan yang besar dan penting kepada seseorang individu. Pemilihan yang tidak bersesuaian dengan minat dan kebolehan boleh menyebabkan seseorang bertukar-tukar kerjaya nanti. Selagi seseorang individu merasa tidak puas hati dengan apa yang mereka lakukan maka selagi itulah ia akan mencari-cari kerjaya yang dirasakan bersesuaian dengan minat dan kebolehan mereka.

Kajian yang dijalankan ini cuba melihat hubungan faktor keluarga, sekolah, dan pencapaian akademik pelajar terhadap pemilihan kerjaya pelajar. Dalam memilih kerjaya, seseorang individu dipengaruhi oleh berbagai-bagai faktor atau pembolehubah.

Ahli-ahli teori perkembangan kerjaya seperti Hollingshead (1949), Holland (1966) dan Roe (1954) berpendapat terdapat beberapa pemboleh ubah yang penting dalam mempengaruhi perkembangan kerjaya individu. Antara pembolehubah itu adalah :

- i) Bakat pekerjaan seperti kebolehan dalam satu-satu bidang atau jenis pekerjaan yang khusus seperti mekanikal atau perkeranian.
- ii) Minat seperti minat dalam satu-satu bidang latihan atau pekerjaan yang khusus.
- iii) Personaliti yang meliputi ciri-ciri seperti konsep diri, nilai kehendak dari cara berinteraksi dengan individu-individu lain.
- iv) Pencapaian dalam mata pelajaran tertentu.
- v) Keadaan keluarga seperti komposisi, kedudukan keluarga, pekerjaan ibu bapa, bangsa, tempat asal dan ciri-ciri sub-budaya.
- vi) Ekonomi seperti trend dalam pengambilan pekerjaan, pasaran kerja dan kesan-kesan teknologi terhadap dunia pekerjaan.
- vii) Faktor halangan sama ada halangan sosial, fizikal atau psikologikal.